

## PERCAMPURAN STRUKTUR MODEL INTEGRATIF DALAM PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL

### MIXING INTEGRATIVE MODEL STRUCTURE IN SHORT STORIES AND NOVEL TEACHING

*Nur Iffah Atira; Azhar Hj Wahid*

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak*

*azhar@fbk.upsi.edu.my*

### ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran cerpen dan novel. Ini kerana melihatkan kepada situasi sekarang ini murid sering mengalami masalah untuk mengingati terutamanya dalam cerpen dan novel. Walhal dikatakan juga cerpen dan novel ini bahagian genre yang mudah untuk dikuasai kerana ianya berbentuk naratif. Namun mungkin disebabkan aras cerita yang diletakkan sebagai kandungan pengajaran tidak berada dalam lingkungan murid membuatkan mereka mengambil masa yang lama untuk memahami. Tambahan pula apabila murid kini kurang mengamalkan amalan membaca dan itu yang sering menjadi masalah. Selain itu, kajian ini juga sebagai pengenalan dalam mewujudkan penstrukturran model pembelajaran yang fleksibel untuk pengajaran cerpen dan novel. Seterusnya, akan dapat dilihat pengaplikasian model Integratif yang distruktur semula berdasarkan model sedia ada untuk pengajaran cerpen dan novel. Hasil daripada kajian ini akan memberi pengenalan dalam mewujudkan satu model pembelajaran yang bersesuaian untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan juga Komponen Sastera Bahasa Melayu (KOMSAS) khusus untuk cerpen dan novel. Model Integratif akan membantu meningkatkan kualiti pengajaran dengan penggunaan pendekatan yang sedia ada. Pada masa sekarang ini juga pengajaran cerpen dan novel masih berpandukan kepada pendekatan seperti mengalami-menghayati, struktural dan berfokus. Oleh itu tujuan diwujudkan penstrukturran model adalah supaya dapat mengubah cara pengajaran cerpen dan novel kepada sesuatu yang lebih menarik dan memudahkan murid untuk faham bersesuaian dengan dunia globalisasi kini. Akhir sekali, perubahan terhadap proses pengajaran juga akan membantu memudahkan sesi pengajaran guru di dalam kelas dan meningkatkan prestasi murid.

**Kata Kunci:** Model Integratif, Kesusasteraan Melayu, Penstrukturran Melayu, Proses Pengajaran.

### ABSTRACT

*This study was conducted to improve the quality of the teaching of short story and novels. This is because looking at the current situation students often encounter difficulties in remembering especially in short stories and novels. It is also said that the short stories and novels of the genre are easy to master because they are narrative. However, perhaps because the story level placed as teaching content is not in the classroom makes them take a long time to understand. Furthermore, when students are less practicing the practice of reading and that is often a problem. In addition, this study is also an introduction to the creation of a flexible learning model restructuring for the teaching of short story and novels. Furthermore, it will be possible to see the re-structured reintegration modeling of the existing model for the teaching of short story and novels. The results of this study will provide an introduction in creating an appropriate learning model for Malay Literature subjects as well as Malay Literature Components (KOMSAS) specifically for short stories and novels. The Integrative Model will help to improve the quality of teaching with the use of existing approaches. Looking at the present, the teaching of short story and novels is still based on approaches such as experiencing, structural and focused. Therefore, the purpose of the model restructuring is to change the way the teaching of short story and novels to something more interesting and easier for the students to understand in line with the world of globalization today. Lastly, changes to the teaching process will also help facilitate teacher teaching sessions in the classroom and improve student achievement.*

**Keywords:** Integrative Model, Malay Literature, Malay Structural, Teaching Process

## **PENGENALAN**

Setiap murid mempunyai perkembangan pembelajaran yang berbeza mengikut kepada tahap kemampuan diri. Hal ini berlaku disebabkan situasi persekitaran yang dialami adalah berbeza. Selain itu juga terdapat pelbagai faktor lain yang menyumbang kepada perkembangan alam pembelajaran murid terutama di sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa alam belajar iaitu dari sudut keadaan mahupun situasi mempengaruhi dan merangsang minat murid untuk mengikuti sesuatu pembelajaran. Pastinya akan berlaku perubahan sekiranya matlamat sesuatu pembelajaran berjaya dicapai. Bagi mencapai matlamat tersebut pelbagai langkah perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Terdapat 3 pembahagian dalam alam belajar iaitu dari segi fizikal, psikososial dan juga komuniti pembelajaran. Fizikal bukan bermakna ianya melihat kepada fizikal murid tetapi fizikal keadaan sekeliling, adakah ianya menyenangkan dan mendamaikan buat murid untuk mengalami sesuatu pembelajaran secara kondusif. Hal ini melibatkan pelbagai perkara yang mana mungkin dianggap remeh. Contohnya teknik penyusunan meja, kebersihan, tingkap yang mana memberi udara yang segar dan sebagainya lagi. Psikososial pula sangat membantu guru dalam menguruskan sesi pengajaran secara berkesan. Ianya boleh dilihat menerusi nada suara, tingkah laku, juga respon daripada murid. Akhir sekali ialah komuniti pembelajaran yang melihat kepada kelompok murid yang mengalami sesi pembelajaran secara bersama. Perkara ini sangat bagus bagi membentuk perkembangan pembelajaran murid dan membolehkan mereka lebih faham apa yang dipelajari.

Sesi pengajaran yang dijalankan oleh setiap guru pastinya mempunyai cara yang tersendiri. Cara tersebut dapat dilihat dari segi penyampaian guru itu sendiri. Selain itu juga segala teknik, strategi dan model yang digunakan oleh guru turut membantu memudahkan sesi pengajaran. Sebagai seorang guru, wajar untuk mengetahui kepelbagaian teknik mahupun model yang mana bersesuaian dengan apa yang akan diajarkan kepada murid semasa sesi pengajaran. Umumnya konsep bagi sesuatu pengajaran adalah proses di mana ilmu disampaikan dan disebarluaskan kepada murid, memudahkan pembinaan ilmu, menggalakkan kepelbagaian aktiviti yang akan membantu seseorang murid belajar dan mencapai matlamat yang sepatutnya. Walau bagaimanapun terdapat situasi di mana kesilapan berlaku tatkala guru gagal mengaplikasikan sesuatu pengajaran dengan sebaiknya. Hal ini memberi impak atau kesan yang negatif terhadap murid dari segi pembelajaran mereka. Kefahaman murid dalam sesuatu perkara atau topik yang diajarkan sangat penting itu akan membuatkan pemikiran mereka berkembang dan seterusnya mampu untuk berfikir melangkaui jangkaan yang seharusnya. Tetapi apabila murid mengalami masalah untuk faham akan sesuatu topik, ini yang akan membuatkan mereka berhenti dan berada di antara persimpangan yang akhirnya membuatkan mereka bosan dan hilang minat untuk belajar.

Jurnal ini akan memperlihatkan penstrukturran model sedia ada kepada suatu yang baru mengikut kepada kesesuaian pengajaran bagi cerpen dan novel. Pembinaan model ini adalah sebagai satu pengenalan kepada pengajaran cerpen dan novel memandangkan dalam pengajaran cerpen dan novel sebelum ini belum wujud model khas yang boleh digunakan. Model ini diwujudkan berdasarkan kepada matapelajaran Kesusastraan Melayu utamanya yang masih mengamalkan 3 kaedah lama iaitu mengalami dan menghayati, struktural dan berfokus. Sudah tiba masanya untuk melaksanakan suatu perubahan atau anjakan yang baharu agar mata pelajaran ini lebih berkembang. Di dalam jurnal ini dinyatakan mengenai asas penstrukturran model sedia ada menjadi pembentukan model Integratif ini. Bukan itu sahaja, model Integratif ini juga diterangkan perspektif satu per satu. Pengaplikasiannya juga turut dinyatakan secara teorinya kerana model adalah sebagai pengenalan dan masih belum diaplikasikan secara jelas dan terperinci. Melihat kepada perkembangan ilmu pendidikan, model pembelajaran wajar untuk diperbanyak juga dikembangkan. Hal ini kerana zaman sudah berubah dan model yang ada juga perlu ditambah baik agar seiring dengan zaman yang semakin pesat ini. Perkembangan ilmu juga berkait dengan arus kemajuan negara. Apabila negara semakin giat mencapai kemajuannya, apatah lagi bidang ilmu pendidikan ini pastinya perlu sentiasa mengikuti perkembangan semasa agar anak-anak muda ini memperoleh maklumat yang baru. Bahkan inilah yang akan membantu murid mencapai tahap yang lebih memberangsangkan.

## LATAR BELAKANG

Ilmu pengetahuan menerusi pengajaran adalah salah satu cara dalam proses penyediaan murid dengan pengetahuan dan juga kemahiran. Segala proses ini akan turut diikuti oleh pengalaman yang dialami setiap murid dan ini akan menghasilkan sesuatu pembelajaran yang lebih bermakna kerana pengalaman adalah sesuatu yang berharga dapat dilalui oleh murid itu sendiri. Bagi menghasilkan sesi pengajaran yang baik memerlukan persiapan yang rapi agar segala matlamat dapat dicapai. Guru perlu berpandukan kepada sesuatu yang kukuh dan telah diteliti sebaik mungkin agar perancangan yang dihasilkan memberi pencapaian yang baik kepada murid juga guru itu sendiri.

Di setiap sekolah manapun kelas pastinya mempunyai pendekatan aspek yang berbeza ketika guru menjalankan sesi pengajaran khususnya genre cerpen dan novel. Guru mempunyai peranan yang sangat besar dalam menangani kepelbagaiannya masalah yang wujud ketika sesi pengajaran. Berbekalkan kepada ilmu yang telah dipelajari, insan-insan bernama guru ini akan berusaha sehabis baik untuk mendidik murid mereka sehingga berjaya dalam kehidupan masing-masing. Objektif pengajaran menjadi taruhan kepada guru sama ada berjaya dicapai atau tidak. Objektif ini juga adalah sebagai matlamat seorang guru dalam melaksanakan sesuatu pengajaran dalam kelas. Untuk menghasilkan suatu pengajaran yang berkesan bukan mudah, banyak faktor dan elemen yang perlu diambil kira dari sekecil-kecilnya hingga sebesar-besarnya.

Setiap guru berupaya menghasilkan pengajaran cerpen dan novel yang berkualiti seandainya bertepatan dengan cara yang tepat. Penting untuk guru mengenal pasti keupayaan murid dalam kelas sebelum melaksanakan apa-apa teknik pengajaran. Ini kerana tahap perkembangan atau proses penerimaan murid terhadap sesuatu pengajaran adalah berbeza. Proses pembelajaran ini boleh dibahagikan kepada dua cara. Pertama, penggunaan cara tradisional yang mana pengajaran berfokuskan kepada guru. Manakala cara yang kedua pengajaran secara moden yang berfokuskan kepada murid. Selain itu juga guru perlu tahu membezakan antara aspek strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan juga model. Itu antara elemen yang digunakan guru semasa proses penyediaan pengajaran. Semasa pelaksanaan sesi pengajaran guru akan mengaplikasikan kesemua yang telah dirancang dan hasilnya akan dilihat setelah pengukuhan atau penilaian dibuat.

Setiap mata pelajaran mempunyai kepentingan yang tersendiri, begitu juga untuk matapelajaran Kesusastraan Melayu dan juga Bahasa Melayu yang mempunyai genre cerpen dan novel ini. Mata pelajaran ini mampu untuk mendidik murid dengan nilai-nilai murni, berkeperibadian yang tinggi serta mempunyai nilai jati diri yang unggul. Mata pelajaran Kesusastraan Melayu serta Bahasa Melayu (KOMSAS) jika dilihat mempunyai sukatan pelajaran yang melibatkan kepada karya-karya yang dihasilkan oleh sasterawan negara dan juga penulis-penulis yang tersohor dalam dunia Kesusastraan Melayu. Melihat dari segi bahan yang menjadi teks pengajaran secara tidak langsung mempunyai nilai yang sangat tinggi. Apa yang menjadi kekangan ialah teks ini tidak diberi penekanan dan ada juga yang mengatakan bahawa isi kandungan mata pelajaran ini kurang relevan dengan pembangunan negara. Untuk mata pelajaran Bahasa Melayu lebih difokuskan kepada sistem bahasa yang mana dianggap penting. Hal ini juga kerana Bahasa Melayu merupakan Bahasa Kebangsaan yang perlu diangkat martabatnya. Walau bagaimanapun harus diingat juga bahasa mata pelajaran Kesusastraan Melayu pula mengandungi identiti negara yang perlu sentiasa diangkat dan dikenali oleh generasi kini.

Terdapat beberapa elemen yang sebenarnya penting dalam menyampaikan ilmu. Antaranya ialah strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan teori. Sebagai guru keupayaan membezakan kesemua elemen ini sangatlah penting. Untuk strategi boleh dibahagikan kepada tiga iaitu berpusatkan guru, berpusatkan pelajar dan berpusatkan bahan. Manakala untuk pendekatan adalah cara mendekati sesuatu pelajaran dan juga bagaimana suatu matapelajaran itu diajar. Antara pendekatan yang sering digunakan ialah pendekatan deduktif, induktif, elektrik dan juga tematik. Bagi kaedah pula ialah tindakan oleh guru secara sistematik dengan tujuan mencapai objektif pengajaran dalam jangka masa tertentu. Kaedah dan teknik juga penting kerana ia merangkumi teknik sumbang saran, bercerita, demostrasi, perbincangan dan penyelesaian masalah yang mana menjadi pilihan guru-guru untuk diterapkan dalam proses pengajaran. Teknik merupakan kemahiran guru dalam melaksanakan kaedah semasa pengajaran. Teori ialah suatu prinsip yang digunakan yang berlandaskan kepada situasi atau fenomena tertentu.

Teori merupakan antara aspek yang telah dibuktikan keupayaannya dan lebih kukuh berdasarkan kepada kajian yang telah dilaksanakan sebaik mungkin. Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), teori juga adalah hasil daripada kajian saintifik yang telah sah

diterima sebagai suatu prinsip asas yang boleh dijadikan panduan pelaksanaan. Kajian-kajian tokoh psikologi pendidikan menghasilkan teori pembelajaran yang diterima pakai untuk menjelaskan pelbagai cara manusia dan haiwan belajar. Teori telah menjadi dasar kepada aspek pendidikan iaitu dalam proses pengajaran di sekolah. Seorang guru tidak boleh hanya semborono mengajar tanpa berbekalkan kepada panduan-panduan asas ini. Teori yang telah dikaji ini adalah sebagai pemudah cara kepada guru dan pihak sekolah bagi meningkatkan kefahaman murid dalam pembelajaran.

Tidak hanya berpaksikan kepada teori semata-mata, para pengkaji juga turut memperkembangkan segala teori ini dan menghasilkan sesuatu yang menjurus kepada penghasilan model, pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran. Model merupakan antara asas yang dijadikan sandaran kepada guru dalam meneliti topik yang bakal diajarkan kepada murid. Guru perlu memahami setiap model agar penggunaannya adalah tepat dan menghasilkan kesan yang positif. Ini kerana tidak semua model yang sesuai dengan sesuatu topik tersebut, kadang kala pengolahan serta penambahan juga perlu dilaksanakan oleh guru. Oleh itu, boleh dikatakan peranan guru sangat besar untuk menyediakan sesuatu pengajaran yang rapi.

## **PENYATAAN MASALAH**

Model Integratif yang diwujudkan ini pastinya dilihat hasil kepada beberapa isu yang ada. Isu-isu ini perlu diselesaikan agar dapat memberikan elemen baru dalam bidang pendidikan. Secara umumnya salah satu isu adalah mengenai kewujudan Komponen Sastera Bahasa Melayu (KOMSAS) yang telah meminggirkan kepentingan matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana kebanyakan pihak berpendapat bahawa Komponen Sastera Bahasa Melayu (KOMSAS) sudah cukup untuk menerapkan segala nilai juga budaya Melayu kepada murid. Menurut Ariff Mohamad (2009), apabila KOMSAS diperkenalkan, unsur sastera lebih diberatkan namun tetap mengutamakan kemahiran berbahasa menurut Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia. Kemahiran bahasa dalam Sukatan Pelajaran KBSM merangkumi bidang interpersonal, bidang maklumat dan bidang estetik. Ketiga-tiganya merupakan kemahiran berbahasa berfokus pada keupayaan murid berkomunikasi berdasarkan bahasa dengan menggunakan kata, frasa, rangkai kata, ungkapan, dan ayat secara bertatasusila (interpersonal), berfokus pada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan pelbagai pengetahuan dalam bidang ilmu dan pemerolehan maklumat didapati melalui mendengar, berbual, membaca, serta mengakses maklumat dan pada multimedia (maklumat), dan berfokus pada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa juga mementingkan penikmatan hasil karya yang indah, penglahiran perasaan, serta membuat apresiasi dan penghayatan (estetik). Dapat dikesani, bidang estetik begitu hampir dengan pengajaran komponen Sastera dalam pelbagai teknik dan bergantung pula aras kemahiran, hasil pembelajaran yang diharapkan dan juga kandungan pengajaran. Apa yang penting perlu diketengahkan ialah cara untuk meningkatkan prestasi murid tidak kira apa juga matapelajaran. Segala masalah yang dihadapi oleh murid perlu ditangani agar tidak berlarutan sekali gus menyekat perkembangan murid dalam pelajaran. KOMSAS juga sebenarnya aspek yang penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Terdapat juga murid yang bagus prestasinya dalam sistem bahasa tetapi kurang apabila di bahagian KOMSAS ini. Oleh itu, peningkatan dalam pengajaran aspek ini perlu diteliti terutama cerpen dan juga novel.

Isu lain yang menyebabkan diwujudkan penstrukturran model sedia ada menjadi satu model yang dikenali sebagai model Integratif ini perlu dilaksanakan adalah kerana cara pelaksanaan pengajaran cerpen dan novel yang masih di takuk lama. Buktinya, berdasarkan kepada praktikal yang dilihat kebanyakan murid masih mengalami pengeliruan cerita dan juga watak semasa pengajaran cerpen dan novel. Menurut Ahmad Othman (1993/94), terdapat dua dimensi yang perlu dirancang oleh guru sastera, pertama aspek-aspek mengenai (domain kognitif, afektif, tingkah laku, sikap dan kemahiran pelajar), dan kedua hal-hal yang berkaitan dengan isi kandungan dalam karya yang menjadi disiplin kesusasteraan. Di sinilah terletak pertimbangan dan kebijaksanaan guru meneliti, mengkaji, memilih, merancang, menyusun dan menyampaikan pelajaran kepada para pelajarnya. Jika perancangan pelajaran kemas, mengikut prinsip pembelajaran-pengajaran maka akan mudahlah terlaksana matlamat pendidikan ke arah pembinaan insan yang seimbang tadi. Oleh itu guru perlu menentukan objektif-objektif dan matlamat jangka panjang dan pendek yang akan dicapai dengan strategi dan pendekatan

yang relevan. Ternyata ciri atau kriteria pengajaran cerpen dan novel perlu dilihat agar pengajaran berjalan dengan lancar dan berkesan kepada murid.

Seperti yang sedia maklum genre cerpen mempunyai pelbagai cerita yang mana kemungkinan sesetengah daripada cerita tersebut mempunyai watak atau jalan penceritaan hampir sama. Hal ini yang menyebabkan murid keliru dan sering bertukar cerita. Untuk genre novel pula masalahnya juga adalah sama. Pembahagian antara bab masih menjadi masalah untuk murid memahami jalan cerita dengan tepat. Jalan cerita yang panjang itu pastinya membuatkan murid cepat bosan untuk membaca. Kebanyakan guru berpendapat murid kurang membaca menjadi faktor mereka sukar untuk memahami cerita. Menurut Chew Fong Peng (2006), dalam kajian Pendidikan Kesusastraan Melayu di Malaysia dan Permasalahannya ada menyatakan bahawa apa yang berlaku di sekolah secara realiti ialah pelajar membaca buku ulasan semata-mata semasa guru mengajar. Walaupun telah berkali-kali dipesan supaya membaca teks asal di rumah, tetapi pelajar tidak menampakkan inisiatif untuk berbuat demikian. Antara sebab utama, menurut soal selidik penulis, mereka berpendapat bahawa karya pilihan dalam teks kesusastraan Melayu itu sangat membosankan, terlalu berpusatkan dunia Melayu, terlalu dalam atau sukar difahami, terlalu panjang, dan ceritanya tidak menarik. Apa yang penting ialah bagaimana untuk menarik minat murid supaya berkehendak untuk membaca karya-karya yang disediakan mengikut kepada sukatan. Selain itu menurut Ghazali Din (2017), subjek kesusastraan perlu dipersembahkan dengan gaya baharu, memberi penekanan kepada kaedah pendekatan tidak membosankan pelajar. Dalam konteks sekolah, subjek kesusastraan wajar dipelajari oleh pelajar pelbagai kaum, manakala teks pilihan tentulah perlu yang sesuai dengan usia dan tahap pemikiran pelajar itu sendiri. Jika tidak tiada penyelesaian yang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dengan memperkenalkan kaedah atau pendekatan yang baru boleh dijadikan rujukan buat pengkaji dalam usaha membantu pengajaran cerpen dan novel berjalan dengan lebih berkesan.

Setakat hari ini masih tiada model pembelajaran khusus bagi pengajaran cerpen dan novel untuk matapelajaran Kesusastraan Melayu dan juga Bahasa Melayu (KOMSAS). Seperti yang sedia maklum dalam Kesusastraan Melayu hanya digunakan 3 pendekatan atau kaedah untuk pengajaran iaitu berfokus, berstruktur dan mengalami dan menghayati. Ketiga-tiga pendekatan ini digunakan untuk semua genre mengikut kepada kesesuaian elemen yang diajarkan kepada murid. Menurut Kamaruddin Husin (1988), menyebut beberapa pendekatan mengajar kesusastraan: analisis-struktural, berfokus, mengalami-menghayati, global dan beberapa pendekatan kritik sastera seperti pendekatan moral, pendekatan sosiologikal, pendekatan psikologi dan pendekatan linguistik dan lain-lain lagi. Berdasarkan pemerhatian dapat dilihat pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Sebagai contoh untuk pengajaran elemen seperti plot memerlukan penggunaan pendekatan berstruktur. Manakala untuk pengajaran elemen watak perwatakan pula perlu menggunakan pendekatan mengalami dan menghayati. Oleh itu pengajaran elemen plot dan watak perwatakan tidak akan dapat diajarkan dalam satu sesi pengajaran yang sama. Kajian yang dilakukan oleh Juriah Long dengan Noor Zalilah (1991) dan Ismail Adnan (2000) menunjukkan bahawa Kesusastraan Melayu harus diajar dengan mengaplikasikan Pendekatan Bersepadan yang mengutamakan beberapa ciri 21 utama. Pertama penggabunggalinan pengalaman antara mata pelajaran; kedua, penyerapan ilmu pengetahuan, nilai dan ketrampilan dan bahasa dalam pengajaran; ketiga, penglibatan atau penyertaan pelajar secara aktif dalam pembelajaran; keempat, kesepaduan antara pengalaman dan kesan pembelajaran dalam bilik darjah dengan aktiviti luar bilik darjah, alam persekitaran dan pengalaman hidup sehari-hari. Pendekatan ini adalah lebih berkesan dalam pengajaran Kesusastraan Melayu berbanding pendekatan struktur yang mementingkan pengajaran aspek-aspek karya sastera secara berasingan.


Konsep "pendekatan" membawa maksud yang luas dan kita sering menggunakan dalam pengkajian dan pengajaran sastera. Kadang-kadang kita terkeliru dengan konsep kaedah. Bagi perbincangan ini kita maksudkan pendekatan sebagai satu pegangan yang mengandungi strategi-strategi untuk mencapai matlamat jangka panjang dalam pengajaran kesusastraan. Setiap satu pendekatan yang diaplikasikan ini mencerminkan satu pegangan atau falsafah tentang hakikat pengajaran dan teori kesusastraan. Kesimpulannya 3 pendekatan yang sinonim dengan pengajaran Kesusastraan Melayu tidak dapat memenuhi keperluan sesuatu pengajaran secara menyeluruh. Melihat kepada penjelasan di atas, pendekatan ini terhad dan tidak dapat berkembang. Seharusnya pendekatan boleh dipelbagaikan untuk memenuhi keperluan pengajaran masa kini. Menurut Ahmad Othman (1993), untuk mencapai objektif-objektif pendidikan amat bergantung kepada guru yang gigih dan berusaha menterjemahkan pernyataan

dalam kurikulum tersebut kepada praktik, khususnya mengenai pemilihan, perancangan, pendekatan dan perkaedahan mengajar. Dalam satu kajian yang umum mengenai kemahiran mengajar, didapati bahawa guru-guru yang berkesan "dapat memberi penerangannya dengan jelas", "menyediakan pelajarannya dengan kemas bersesuaian dengan kemampuan pelajar, alat bantu mengajar, dan objektif", "menggunakan contoh-contoh yang menarik", "idea-idea dan pendekatan yang merangsang pelajar-pelajar belajar" dan "melibatkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan aktif" sebagai syarat. Kita cuba mengaplikasikan syarat-syarat yang sama kepada guru-guru kesusasteraan. Diharap hasil daripada kajian ini akan menghasilkan struktur model pembelajaran yang membantu perkembangan pengajaran cerpen dan novel. Pengajaran akan berlangsung dengan lebih sistematik dan teratur. Model pembelajaran yang diwujudkan akan menjadi permulaan untuk digunakan dalam matapelajaran Kesusasteraan Melayu juga mata pelajaran lain yang mana bersesuaian. Kewujudan model pembelajaran dapat membantu guru melaksanakan pengajaran lebih berkesan.

### Pembangunan Model Integratif

Model Integratif distruktur berdasarkan model pembelajaran sedia ada khusus bagi pengajaran cerpen serta novel. Model ini distruktur berdasarkan hasil daripada gabungan dua teori iaitu teori pembelajaran kognitif (mental) dan teori pembelajaran sosial (sosialisasi) dan terhasilnya model Integratif ini. Kekangan yang dihadapi oleh murid dalam mempelajari genre cerpen dan novel membuatkan pengkaji meneliti apakah kesesuaian yang diperlukan untuk memudahkan guru dalam menterjemahkan sesuatu bahan pengajaran tersebut. Seperti yang diketahui terdapat 4 model pembelajaran yang sedia ada seperti model pemprosesan maklumat, model behavioral, model sosial dan juga model personal. Kesemua model ini dihasilkan oleh mereka yang mahir dan mempunyai pengetahuan yang meluas terhadap pendidikan. Walaubagaimanapun tiada model yang sememangnya khusus dan khas bagi pengajaran tertentu seperti genre cerpen dan novel. Kesemua model pembelajaran sedia ada bersifat menyeluruh yang mana disesuaikan dengan kesemua mata pelajaran atau bahan pengajaran. Terpulang kepada guru dalam mengendalikan sesi pengajaran dengan pemilihan model pembelajaran yang tepat.

Rajah 1: Asas Teori Penstruktur Model Integratif




Elemen asas yang difokuskan dalam penstruktur model Integratif ini ialah mental dan sosialisasi. Mental seperti yang diketahui adalah daripada teori pembelajaran kognitif yang mana kebanyakannya melibatkan kepada mental individu tersebut. Sosialisasi pula daripada teori pembelajaran sosial yang banyak mengetengahkan kepada sosial individu. Dua teori ini dipilih kerana elemen mental dan sosialisasi ini dilihat perlu diletakkan dalam membentuk model integratif. Model ini akan digunakan oleh guru dalam melaksanakan sesi pengajaran cerpen dan juga novel. Jika dilihat cerpen dan novel sememangnya mempunyai kaitan cerita yang dekat dengan masyarakat. Oleh itu pentingnya mental

individu untuk melihat dan memahami cerita dan dibantu pula oleh elemen sosisialisasi yang akan membantu guru untuk melatih murid melihat karya dari sudut sebuah kehidupan yang sebenar. Situasi pendidikan kini perlu cepat dan tangkas, sesiapa yang lambat pasti akan ketinggalan dan itulah yang perlu dielakkan berlaku dalam kalangan murid dalam kelas. Wujudnya penstrukturran model Integratif yang juga berasaskan dua elemen daripada dua teori ini dan berdasarkan model [pembelajaran sedia ada diharap mampu membantu guru memudahkan sesi pengajaran cerpen dan novel terutamanya.

Penstrukturran model Integratif adalah berdasarkan kepada penggabungan dua teori pembelajaran iaitu teori pembelajaran kognitif dan teori pembelajaran sosial. Prinsip asas yang dikemukakan dalam kedua-dua teori ini telah membantu dalam meneliti dan mewujudkan model Integratif. Untuk teori pembelajaran kognitif seperti yang diketahui ialah suatu perubahan mental yang melibatkan kepada psikologi. Kemudian teori pembelajaran sosial pula mempunyai pembelajaran secara peniruan dan pengamatan. Elemen-elemen yang berada dalam kedua-dua teori ini telah dimasukkan dan diadaptasikan kepada model Integratif ini. Rajah di bawah ini menunjukkan hasil model Integratif yang telah dibina berpandukan kepada teori kognitif dan juga sosialisasi serta penggabungan elemen model pembelajaran sedia ada. Namun, model ini juga masih mempunyai elemennya yang tersendiri bersesuaian dengan pengajaran cerpen dan novel seperti yang difokuskan.

Rajah 2: Penstrukturran Model Pembelajaran Kepada Model Integratif



Integratif yang bermaksud menghubungkaitkan atau menyatupadukan sesuatu supaya menjadi lebih kukuh telah dijadikan sebagai dasar penstrukturran model ini. Pengkaji telah menyatupadukan atau menghubungkaitkan 3 dimensi yang telah dipilih dalam model Integratif. Ketiga-tiga dimensi ini diambil daripada elemen yang diwujudkan dalam model pembelajaran sedia ada, berlandaskan kepada teori dan juga merujuk kepada strategi pengajaran dalam pedagogi bestari. Kesemua ini digabungkan dan dihasilkan suatu model pembelajaran Integratif yang khusus bagi pengajaran cerpen dan novel. Oleh itu, penggabungan dimensi serta elemen yang ada di dalam dimensi telah menghasilkan sesuatu yang saling berhubung kait dan lebih kukuh berpandukan kepada maksud model Integratif itu sendiri.

Model integratif ini telah dibahagikan kepada 3 bahagian yang dikenali sebagai dimensi. Dimensi tersebut ialah ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi. Kemudiannya, dimensi ini pula dibahagikan

kepada beberapa elemen yang tertentu. Model integratif ini telah disusun secara sistematik sesuai dengan rancangan pengajaran yang perlu dihasilkan oleh guru sebelum menjalankan sesi pengajaran tersebut. Dimensi yang pertama iaitu ekspositori yang juga membawa maksud sesuatu penerangan yang jelas dan terperinci. Pengajaran ekspositori ini telah diperkenalkan oleh Ausubel berasaskan kepada teori perkembangan kognitif Piaget. Menurut Noriat A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), Ausebel mengatakan faktor yang paling penting mempengaruhi pembelajaran bermakna ialah apa-apa yang telah diketahui oleh pelajar sudah mengetahui. Proses utama dalam pembelajaran ialah subsumsi, iaitu menggabungkan maklumat baharu ke dalam maklumat sedia ada dengan membuat perkaitan antara idea baharu dengan idea sedia ada. Perkara utama di dalam dimensi ekspositori ini ialah ianya pembelajaran secara verbal dan bukannya secara hafalan. Oleh itu, pemahaman murid pada isi pengajaran lebih berkualiti dan sekiranya berlaku menipulasi terhadap fakta, murid masih mampu untuk menyelesaikannya.

Untuk pengajaran, ekspositori memainkan peranan dalam penyampaian isi kandungan pelajaran secara langsung. Guru boleh menggunakan ekspositori ini dengan kaedah penerangan, bercerita mahupun demostrasi untuk mengajarkan sesuatu seperti yang telah diujarkan dalam teori sosial. Dimensi ini dikhaskan untuk bahagian set induksi. Sebelum menjalankan sesi pengajaran, penerangan oleh guru amat penting, permulaan yang baik akan dapat menghasilkan pengakhiran yang cemerlang. Bagi dimensi ekspositori ini ianya adalah berpusatkan kepada guru. Guru perlu menjelaskan kepada murid mengenai pengajaran yang akan diajarkan. Kemudian, murid akan meneliti seterusnya memahami serta mengingat. Pengaplikasian bagi dimensi ekspositori ini boleh dipelbagaikan. Seperti yang diujarkan dalam model pemprosesan maklumat, penyampaian secara ekspositori boleh dilaksanakan dengan menerang, menginterpretasi juga menghurai idea daripada buku. Penerangan secara lukisan atau geometri juga digalakkan. Penggunaan kemahiran dalam menyelesaikan masalah akan memantapkan murid dan akhir sekali penggunaan alat bantu mengajar.

Ekspositori ini telah dibahagikan kepada dua elemen iaitu metakognitif dan mediatif. Metakognitif ialah sesuatu hubungkait maklumat yang baru dan juga yang lama, dan ini antara strategi untuk murid berfikir mengenai pengajaran tersebut. Guru bertindak untuk merancang, memantau dan menilai proses berfikir murid. Perkaitan antara perkara baru dan juga lama sangat membantu murid dalam memahami apa yang diajarkan. Hubungan yang dikaitkan itu mampu merangsang pemikiran murid. Pengajaran secara metakognitif juga telah menjelaskan mengapa kanak-kanak yang berbeza umur menangani sesuatu tugas dengan pelbagai kaedah. Hal ini kerana metakognitif adalah pengetahuan proses-proses kognitif selaras dengan ciri relevan maklumat. Secara asasnya metakognitif dikenali dengan menghubungkaitkan maklumat baharu dan maklumat lama, memilih strategi-strategi berfikir dan merancang, memantau dan menilai proses berfikir. Unsur yang diterapkan ini sebenarnya asas daripada teori kognitif itu sendiri. Apabila di bahagian set induksi sudah diberikan maklumat yang membantu murid untuk berfikir, ianya akan merangsang murid dalam menterjemahkan pembelajaran mereka. Di sini bimbingan daripada guru diperlukan oleh murid. Hal ini kerana semasa di awal pengajaran dan pembelajaran, murid mungkin masih keliru dan tidak tahu apa yang akan mereka pelajari.

Elemen yang kedua dalam dimensi ekspositori ialah mediatif. Untuk pengajaran mediatif, guru berperanan sebagai pengantara yang mengemukakan soalan dan pada masa yang sama merangsang naluri ingin tahu murid. Di sini murid akan dapat menilai sesuatu perkara secara berbeza dan saling menghormati pandangan orang lain. Sebagai guru seharusnya dielakkan untuk menghakimi sesuatu pendapat atau idea yang dikeluarkan oleh murid. Sokongan daripada guru amat penting dan murid dibiarkan untuk menguji sendiri idea yang dinyatakan oleh mereka. Secara tidak langsung keyakinan dan keberanian murid akan dapat dipupuk. Pengajaran secara mediatif ini menjurus kepada membina kemahiran murid-murid dan guru hanyalah sebagai pengantara yang membantu memudahkan proses ini secara sistematiknya. Peluang dan ruang diberikan kepada murid mengawal organisasi, sesuatu permasalahan dan menggunakan kemahiran yang mereka miliki. Kemahiran boleh dipupuk dengan latihan dan bimbingan yang baik. Apabila murid dibiarkan berdikari dengan melaksanakan pelbagai tugas yang diberikan, hasilnya sesi pengajaran tidak lagi hanya bergantung kepada guru.

Seterusnya masuk kepada dimensi yang kedua iaitu strategi REACT. Dimensi yang kedua ini disesuaikan khusus untuk bahagian perkembangan dalam pengajaran. Strategi REACT ini dilihat berpandukan kepada teori sosial yang mana melatih murid bersosial dan meningkatkan kerjasama dalam

kumpulan. REACT mewakili kepada *relate, experiencing, apply, cooperate dan transfer*. Untuk menghasilkan sesuatu pembelajaran yang bermakna, guru digalakkan untuk membina pengajaran dalam konteks sosial, fizikal, budaya dan juga psikologi. Penggunaan strategi REACT digalakkan secara berkumpulan kerana perkongsian idea serta kerjasama akan diwujudkan. Pembelajaran juga akan lebih berkesan apabila murid mempelajari sesuatu secara teorinya dahulu, kemudian dipraktikkan ke dalam situasi dan diperkuuhkan merujuk kepada kefahaman mereka terhadap pembelajaran.

Elemen pertama iaitu *relate*, sebagai langkah untuk memasuki kepada ruang isi pembelajaran mukadimah masih diperlukan. Guru harus bijak mengaitkan isi pembelajaran secara berperingkat dan sistematis. Perkara asas perlu dibimbing oleh guru ialah membawa murid untuk menghubungkaitkan pengetahuan baru yang akan dipelajari ini dengan pengalaman yang berada dekat dengan diri mereka secara umumnya. Pembelajaran akan bermula dengan menarik apabila murid menyedari ia adalah sesuatu yang turut berkaitan dengan pengalaman diri mereka. Keinginan untuk mengetahui dengan lebih lanjut akan berjaya dirangsang.

Kemudian elemen kedua iaitu *experiencing* iaitu mewujudkan pengalaman kepada murid. Penerokaan, penemuan dan mereka cipta antara pengalaman yang boleh dibina untuk murid. Pengalaman mampu untuk menguatkan daya ingatan murid. Ini kerana, murid diletakkan dalam situasi tersebut dan merasainya sendiri. Guru akan mewujudkan situasi berkaitan dengan bahan pembelajaran, dan untuk genre cerpen dan novel agak mudah untuk diaplikasikan kerana ia adalah genre yang berbentuk cerita. Guru akan meletakkan murid kepada situasi tersebut dan pengalaman akan dirasai sendiri oleh murid.

Seterusnya masuk kepada elemen *apply* iaitu mengaplikasi. Setelah murid berjaya menghasilkan pengalaman baru, di sini murid akan mengaplikasi pengalaman tersebut kepada situasi yang berlainan pula. Jika dilihat konsep asas dalam karya genre cerpen dan novel adalah sama. Guru boleh mengarahkan murid melaksanakan aktiviti yang pengalaman pembelajaran mereka itu boleh digunakan dalam isi pembelajaran yang baharu. Jika berada di luar kelas, murid secara tidak langsung mengaplikasikan apa yang dipelajari di kelas iaitu aplikasikan pengetahuan kepada situasi lain. Sebagai contoh, murid melihat seorang tua melintas jalan, berdasarkan pengetahuan yang dipelajarinya sebagai anak muda seharusnya dia menolong tua itu melintas jalan. Secara automatiknya apa yang dipelajari akan murid tersebut aplikasikannya dengan melakukan apa yang dilakukan dalam kelas.

Untuk menjalankan elemen *relate, experiencing* dan *apply* ini, elemen *cooperate* sangat diperlukan. Model Integratif berfokuskan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid. Bekerjasama merupakan elemen penting semasa pengajaran berlangsung. Apabila murid berada dalam kelompok yang sama, mereka lebih mudah menerima sesuatu pengajaran itu. Perkongsian idea, maklum balas juga komunikasi antara murid dalam kelompok kumpulan akan dapat meningkatkan keyakinan diri. Kerjasama di antara ahli kumpulan akan melancarkan lagi sesi pengajaran dan juga mampu menjimatkan masa guru. Guru pula akan berperanan sebagai fasilitator dan rujukan murid apabila diperlukan.

Elemen yang terakhir *transferring* iaitu memindahkan. Apa yang dipindahkan ialah maklumat yang diperolehi iaitu pengetahuan yang akan digunakan untuk membina pengetahuan yang lain. Pemindahan maklumat akan berlaku apabila murid telah melalui 4 proses di atas. Keupayaan murid akan meningkat dalam membina dan mereka cipta sesuatu yang baru. Pengalaman yang lama akan dapat dikuatkan lagi dengan pengalaman yang baru diperolehi murid.

Dimensi yang terakhir sekali disesuaikan dengan aktiviti bahagian pengukuhan. Dimensi sosialisasi juga mempunyai dua elemen iaitu kolaboratif dan inovasi. Dimensi sosial ini adalah berdasarkan kepada model pembelajaran sosial yang mana membantu murid menajamkan fikiran secara interaksi, cara bekerjasama dan berfungsi sebagai ahli dalam kumpulan. Menerusi sosialisasi ini akan membolehkan murid berupaya untuk mengembangkan idea, berkongsi pendapat juga bertolak ansur sesama ahli. Pembelajaran secara berkumpulan akan mengukuhkan kemahiran berinteraksi murid yang pastinya membantu dalam perhubungan sesama manusia secara sosialnya. Perdebatan akan berlaku semasa murid bekerjasama dalam menyelesaikan masalah dan itu pastinya baik kerana akan membuatkan murid berfikir seterusnya meneroka apa yang diperkatakan dan diperdebatkan bagi memperolehi keputusan yang terbaik. Kemahiran sosialisasi seharusnya ada dalam diri setiap murid. Kemahiran ini akan dapat membantu mereka dalam jangka masa yang panjang. Dimensi sosialisasi ini mempunyai dua elemen

iaitu kolaboratif dan juga inovasi. Sekiranya di bahagian perkembangan murid telah didedahkan dengan menjalani pembelajaran secara berkumpulan begitu juga di bahagian pengukuhan.

Kolaboratif merujuk kepada suatu suasana pembelajaran secara berkumpulan. Di bahagian pengukuhan juga guru dapat melaksanakan aktiviti secara berkumpulan. Hasilnya akan memberangsangkan kerana murid secara berkumpulan akan dapat mengukuhkan diri mereka dengan pembelajaran yang diajarkan oleh guru secara individual. Untuk mewujudkan suasana kolaboratif yang seimbang, guru perlu membentuk murid dalam kumpulan yang kecil sahaja. Untuk setiap kumpulan perlu divariasikan kemampuan dan keupayaan setiap murid. Murid yang mempunyai prestasi cemerlang diletakkan bersama murid yang agak sederhana hingga yang lemah. Penggabungan murid dengan berbeza keupayaan ini akan membantu sesama mereka. Murid yang cemerlang pastinya akan membantu murid yang lemah dan begitu juga sebaliknya. Tidak semestinya hanya murid yang lemah sahaja dibantu tetapi mereka juga turut mempunyai kemahiran yang mana akan membantu murid yang cemerlang. Selain itu, ini juga salah satu cara untuk meningkatkan keyakinan murid. Apabila melihatkan berada dalam kumpulan yang sama, keyakinan murid untuk berkomunikasi akan meningkat. Murid tidak akan takut lagi sekiranya jawapan mereka salah atau tidak dan akan berusaha untuk meningkatkan kumpulan masing-masing.

Elemen yang kedua ialah improvisasi iaitu sesuatu hasil cipta yang baru. Setelah melalui proses pembelajaran secara sistematik, di akhirnya murid akan dilihat berupaya untuk menghasilkan sesuatu yang baru. Menerusi apa yang dipelajari murid juga telah bijak untuk menyesuaikan dan mengaplikasikannya. Di era globalisasi ini seharusnya murid mampu menghasilkan sesuatu inovasi berdasarkan apa yang telah dipelajari. Sebelum mampu untuk mencapai tahap inovasi ini murid akan melalui proses secara improvisasi iaitu melaksanakan sesuatu secara spontan. Hal ini akan mendorong murid untuk mencipta sesuatu dengan kadar masa yang diberikan tanpa apa juga persiapan. Apa yang dimiliki oleh murid ialah pengetahuan, kemahiran serta pengalaman yang telah dilalui dalam pembelajaran sebelum ini. Apabila guru melihat murid mampu menerapkan kemahiran menghasilkan inovasi daripada hasil pengetahuan mereka itu menunjukkan bahawa hasil pembelajaran telah mencapai objektif dan murid tersebut faham dan bukannya mempelajari sesuatu dengan cara menghafal. Teknik belajar secara menghafal seharusnya dielakkan terutama dalam pembelajaran genre cerpen dan novel ini. Teknik menghafal hanya bertahan dalam jangka masa yang pendek, malah murid tidak akan mampu menerokai sesuatu ilmu dari pelbagai sudut yang ada. Apabila menghafal murid itu akan hanya memahami satu perkara dan tidak mampu untuk mengolah dengan kemahiran yang ada pada dirinya. Seterusnya rentetan daripada itu, murid akan kurang sosialisasi dan kurang keyakinan untuk mencapai apa yang sememangnya mampu untuk mereka capai sebenarnya.

### **Pengaplikasian Model Integratif**

Setelah mengetahui segala aspek dimensi dan juga elemen dalam model Integratif dapat dilihat bahawa model ini merupakan suatu model yang distruktur bersifat sistematik. Model ini telah menyusun bermula daripada bahagian induksi, perkembangan dan juga penutup dalam sesebuah Rancangan Pengajaran Harian. Hal ini lebih memudahkan guru untuk menyesuaikannya dengan sesi pengajaran di dalam kelas. Tiga dimensi yang diperkenalkan iaitu ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi ini setiap darinya mempunyai elemen yang boleh dijadikan panduan oleh guru. Model Integratif ini lebih menjurus kepada pengajaran cerpen dan novel. Seperti yang diketahui cerpen dan novel adalah sesebuah naratif berbentuk cerita. Ia tampak lebih mudah kerana dianggap murid mudah untuk memahami sesuatu dari segi penceritaan. Namun jelas apa yang menjadi masalah sekarang ini ialah pengajaran cerpen dan novel ini kurang dipelbagai. Hal ini mungkin kerana cerpen dan novel dianggap mudah untuk disampaikan kepada murid. Oleh itu, tidak memerlukan kaedah yang terlalu kompleks untuk digunakan. Walhal, apa yang murid sering alami ialah kekeliruan jalan penceritaan, babak, watak dan sebagainya di antara kesemua cerpen dalam sesebuah buku. Untuk novel pula mereka akan mengalami kekeliruan berdasarkan babak dalam novel. Perkara yang dilihat mudah itulah yang telah menyebabkan murid sebenarnya mengalami masalah untuk mengingat dan mengetahui jalan cerita secara tepat. Mungkin ada yang mengingati sesebuah cerpen tetapi mengalami pengeliruan watak. Itu akan memberi masalah juga kepada murid untuk menjawab soalan dalam peperiksaan itu nanti.

Tujuan utama diwujudkan model Integratif ini bukanlah semata-mata untuk mengatakan bahawa murid mengalami masalah pengeliruan cerita sahaja, banyak lagi elemen yang menyumbang kepada wujudnya model Integratif ini. Mari lihat bagaimana dapat diaplikasikan model Integratif ini dalam pengajaran cerpen dan juga novel. Bagaimana untuk mengaplikasikan model Integratif ini boleh difahami dengan penerangan dalam model Integratif di awal tadi. Sebagai contoh untuk pengajaran cerpen juga novel di bawah ini dinyatakan pengaplikasian model Integratif secara ringkas yang boleh digunakan dalam Rancangan Pengajaran Harian untuk pengajaran cerpen dan juga novel.

**Jadual 1:** Pengaplikasian Model Integratif Secara Ringkas

<b>Langkah/ Masa</b>	<b>Isi Pelajaran</b>	<b>Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran</b>
<b>Set Induksi (5 Minit)</b>	Dimesi Ekspositori	<p><b>Metakognitif</b> – guru boleh memulakan pengajaran dengan meransang pemikiran murid dengan mengaitkan pengajaran, idea atau pengalaman sedia ada sebelum ini dengan pengajaran baru pada hari tersebut. Mungkin pengajaran semalam mempunyai perkara yang boleh dikaitkan.</p> <p><b>Mediatif</b> – ini lebih kepada penggunaan media yang pelbagai. Penggunaan media ini juga masih memerlukan guru sebagai perantaraan. Penggunaan media lebih cepat dan menarik perhatian murid di awal pengajaran dan menjadikan murid lebih bersedia.</p>
<b>Langkah 1 (10 Minit)</b>	Strategi REACT	<p><b>Relate</b> – jika di awal tadi guru sudah mengaitkan pembelajaran secara ringkas dan murid mulai faham. Seterusnya guru boleh menyuruh murid pula membuat perkaitan antara pengajaran yang secara tidak langsung membuatkan murid mengingati pengajaran lepas dan memahami pengajaran baru dengan mudah.</p> <p><b>Experience</b> – guru boleh mewujudkan pengalaman melalui penerokaan dan juga penemuan yang baru. Pengalaman yang dilalui murid lebih menguatkan ingatan mereka terhadap sesuatu. Contoh seperti berlakon watak dalam cerpen atau novel.</p>
<b>Langkah 2 (15 Minit)</b>	Strategi REACT	<p><b>Apply</b> – mengaplikasikan pengalaman dalam pengajaran yang baru. Pelbagai pengalaman yang diperolehi murid boleh digunakan kembali. Contoh pernah melihat kejadian kebakaran, di sini pengalaman tersebut boleh digunakan dengan meminta murid menceritakan tentang kebakaran dan membuat lakonan. Tindakan itu boleh digunakan dalam cerpen yang akan dipelajari mungkin tentang kebakaran atau sikap individu apabila dalam kesusahan.</p> <p><b>Cooperate</b> – perkongsian idea akan berlaku di saat ini apabila murid masing-masing mempunyai idea juga pendapat untuk dikemukakan. Di sini setiap murid akan bergiat secara sendiri secara berkumpulan dan guru hanya sebagai fasilitator sahaja. Murid perlu aktif dan mewujudkan kerjasama dalam kumpulan.</p> <p><b>Transfer</b> – di sini berlakunya pemindahan maklumat. Kemudian akan meningkatkan kefahaman murid. Pemindahan maklumat ialah seperti maklumat sedia ada dikaitkan dan seterusnya memindahkan sebagai maklumat baru. Contoh pengalaman menghadapi kebakaran iaitu melihat sikap masyarakat sekarang. Apabila maklumat dipindahkan, murid dapat memahami bahawa sikap tersebut adalah baik atau tidak.</p>
<b>Penutup (10 minit)</b>	Sosialisasi	<p><b>Kolaboratif</b> – mevariasikan pembelajaran secara berkumpulan. Melaksanakan kerja secara berkumpulan lebih memudahkan murid kerana mempunyai aras pemikiran yang sama dan pelbagai.</p> <p><b>Improvisasi</b> – Murid akan dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dan dari situ mampu untuk mereka mengimprovisasi sesuatu perkara kepada cara yang baru melalui apa yang mereka pelajari.</p>

## KESIMPULAN

Kajian seperti ini turut mempengaruhi kepada perkembangan ilmu. Pengajaran yang berkesan memerlukan guru untuk bertindak dengan lebih bersistematik. Pendekatan pembelajaran yang tepat akan membantu guru dalam menghasilkan sesuatu pembelajaran yang efektif. Kajian ini juga dilaksanakan untuk melihat sejauh mana model-model pembelajaran mampu membantu guru dalam menghasilkan perancangan yang baik untuk sesi pengajaran mereka. Hasil kajian pengkaji yang lain telah membawa kepada penemuan empat jenis model iaitu model pemprosesan maklumat, model behavioral, model sosial dan model personal. Kesemua model ini telah dijadikan rujukan dan diguna pakai oleh guru-guru di sekolah. Ini kerana model pembelajaran adalah dasar yang digunakan untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih efektif. Model-model ini pula akan diikuti dengan teknik. Kaedah, strategi mahupun pendekatan yang sesuai agar pengajaran berjalan dengan lancar. Setiap model mempunyai elemen yang tersendiri yang menekankan kepada sesuatu perkara. Oleh itu, pemilihan model sebagai dasar pengajaran ini perlu benar-benar dilihat dan difahami terlebih dahulu.

Melalui kajian ini secara tidak langsung akan dapat mewujudkan dan mempelbagaikan model pengajaran yang sedia ada. Pengstrukturkan model kepada satu model baharu yang dikemaskini berdasarkan model sedia ada. Model ini harus lebih menjurus dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu (KOMSAS). Walau bagaimanapun penstrukturkan model ini juga boleh disesuaikan dengan mata pelajaran lain mengikut kepada keperluan dan kesesuaian. Penambahan model pembelajaran adalah satu cara yang baik dalam usaha memperkembangkan lagi bidang penyelidikan di Malaysia. Selain itu, pengkajian yang dibuat sedikit sebanyak akan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain dalam mendalami fungsinya model pembelajaran. Semoga dengan pengstrukturkan model pembelajaran yang baru akan dapat meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu (KOMSAS). Selain itu, kajian ini juga akan membantu membuka mata pelbagai pihak bagi menyatakan bahawa model pembelajaran mempunyai kepentingan dalam melahirkan generasi yang cemerlang dan berkualiti tinggi.

Untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu jika dilihat masih mengaplikasikan 3 kaedah dalam pengajaran iaitu kaedah mengalami dan menghayati, kaedah struktural dan juga kaedah berfokus. Sudah sampai masanya untuk kaedah tersebut dikembangkan dengan penggunaan model pembelajaran. Hal ini kerana bersesuaian dengan situasi semasa yang memerlukan elemen yang dapat mengukuhkan lagi sesuatu pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Sekarang ini sudah semakin banyak cabaran juga persaingan yang perlu ditempuhi oleh murid-murid di sekolah. Kandungan mata pelajaran yang semakin rumit memerlukan murid untuk lebih fokus dan untuk itu menjadi tugas guru juga untuk memastikan murid mampu untuk mengaplikasikan segala pembelajaran baharu setiap hari. Oleh itu, pengstrukturkan model ini sedikit sebanyak akan dapat membantu murid dalam pembelajaran mereka. Secara asasnya model pembelajaran masih perlu dirujuk guru walau apa juga kaedah yang digunakan. Untuk model yang telah distruktur ini adalah sebagai suatu pengenalan dalam pengajaran cerpen dan novel. Model ini juga masih belum diaplikasikan secara praktikal dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Namun melihatkan secara teknikalnya, model Integratif yang distruktur berdasarkan model pembelajaran sedia ada ini mampu untuk memperkembangkan lagi pengajaran cerpen dan novel. Malah, mungkin juga boleh diaplikasikan untuk mata pelajaran yang lain juga. Semoga dengan wujudnya model Integratif yang distruktur ini mampu memberi faedah kepada guru dan juga murid. Selain itu, perkembangan terhadap bidang pendidikan ini mampu untuk berkembang dari semasa ke semasa dengan pelbagai penemuan baru yang dapat memberi manfaat di masa akan datang.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Subki Miskan dan Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). Murid dan alam belajar. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Azhar Haji Wahid. (2012). Kritikan intelektualisme sastera Melayu. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azhar Hj Wahid. (2011). Globalisasi sastera siber. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azhar Hj Wahid dan Zawawi Jahya. (2012). Pendidikan pembangunan modal insan. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A Halim Ali, Mana Sikana dan Mohd Rosli Saludin. (2011). Sastera membina peradaban bangsa. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis BUDIMAN Malaysia.

- Akhsanul In'am. (2011). Perkembangan dan validasi model pengajaran dan pembelajaran Matematik berdasarkan metakognitif. Kajian ilmiah ijazah Dr Falsafah Pendidikan Matematik: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Othman. (1993/94). Pendekatan dan Perkaedahan Pengajaran Kesusasteraan KBSM: Cabaran-Cabaran kepada Guru Kesusasteraan. Pusat Pengajian Ilmu: UniversitiSains Malaysia.
- Ariff Mohamad. (2009). Analisis kesesuaian pemilihan teks bagi genre cerpen dan Novel Komponen Sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aang Imam. (2015). Pengertian, persamaan dan perbedaan cerpen dan novel. Diperoleh pada 11 Februari 2015 daripada <http://www.kuliah.info/2015/05/perbedaan-cerpen-dan-novel.html>
- Chew Fong Peng. (2008). Sastera kebangsaan, pendidikan sastera dan pembinaan negara. Jilid III. Selangor: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Chew Fong Peng. (2006). Kajian pendidikan kesusasteraan Melayu di Malaysia dan permasalahannya. Universiti Malaya.
- Ghazali Din. (2017). Kaedah tarik minat Sastera Melayu. Diperolehi pada 13 November 2017, daripada <https://www.bharian.com.my/node/236085>
- Hamzah Hamdani. (2006). Sastera kebangsaan isu dan cabaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Herrianti. (2014). Model pembelajaran discovery learning kurikulum. Diperoleh pada 24 November 2016, daripada [http://www.kompasiana.com/herriati/artikelmodelpembelajaran\\_54f68adea333117d028b5082](http://www.kompasiana.com/herriati/artikelmodelpembelajaran_54f68adea333117d028b5082)
- Ishak Ramly. (2003). Teknik mengajar sastera. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Juriah Long & Noor Zalihah. (1991). Kesan Penyerapan Bahan Sastera dalam Pendidikan Bahasa Malaysia. Dlm. Abdul Hamid Mahmood & Asiah Idris (pngr.). Tinjauan Pelaksanaan Dasar Bahasa dalam Ssitem Pendidikan Negara di Peringkat Sekolah. (hlm.113-132). Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koentjaraningrat. (1977). Metode-metode Penelitian Masyarakat. Jakarta: PT Gramedia, h. 16.
- Kamarudin Hj.Husin. (1988). Kaedah Pengajaran Kesusasteraan. Penerbit Fajar Bakti: Petaling Jaya.
- Latifah Ariffin. (2011). Artikel khabar dunia: filem tarik pelajar kepada sastera. Diperoleh pada 24 November 2016 daripada <http://tentangsastera.weebly.com/artikel-sastera.html>
- Mok Soon Sang. (2009). Psikologi pendidikan dan pedagogi: Murid dan alam belajar. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (2013). Psikologi pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd Fuad Sam, Marina Majid, Afrah Salwani Jusoh dan Mohd Zain Kasnon. (2013). Murid dan alam belajar. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mahaliza Binti Mansor. (2013). Pembinaan model pembelajaran profesional berdasarkan sekolah di sekolah menengah harian di Malaysia. Kajian Ilmiah Ijazah Dr Falsafah: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mariani Natalina, Imam Mahadi, Anisa Cardina Suzane. (2013). Penerapan model pembelajaran inkiri terbimbing untuk meningkatkan sikap ilmiah dan hasil belajar Biologi Siswa Kelas XI IPA SMA Negeri 5 Pekan Baru Tahun Ajaran 2011/2012. Indonesia: Universitas Riau.
- Naffi Mat. (2012). Fenomena pendidikan Bahasa-Sastera Melayu: Intergriti peradaban bangsa. Selangor: Darul Risalah.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhria Syed Ahmad. (2015). Murid dan alam belajar. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Othman Puteh. (2000). Pengajaran sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1992). Falsafah Pendidikan Pendidikan Negara. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rusman. (2013). *Model-model pembelajaran*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd Aziz Abd Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazalizah Hamzah. (2012). Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Suhaimi Haji Muhammad (n.d). Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian Ilmiah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia. Suluk Fitria Nur Rahman, Sudarno Herlambang dan Purwanto (n.d). Model Pembelajaran Problem Based Instruction (PBI) Berbantuan Media Movie Untuk Meningkatkan Keaktifan dan Hasil Belajar Siswa. Indonesia: Universitas Negeri Malang.
- Thahir Bin Nurudin. (2006). Kefahaman guru tentang konsep dan strategi pengajaran komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian Ilmiah Sarjana Muda. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkarimen Nasution. (2007). Komunikasi pembangunan (pengenalan teori dan penerapannya). PT Raja Grafindo Persada: Jakarta.